



Sudut-sudut dalam bulatan




Sudut yang dicangkum di pusat bulatan oleh satu lengkok adalah dua kali sudut yang dicangkum oleh lengkok itu di lilitan bulatan.


$$y^\circ = 2x^\circ$$




Sudut dalam semibulatan ialah  $90^\circ$  atau sudut tegak  
 $\text{sudut } ABC = 90^\circ$ .



Sudut-sudut pada lilitan bulatan berdiri  
di atas arka sama sama  
sudut ABD = sudut ACD.




Hasil tambah sudut-sudut pedalaman  
bertentangan dalam sisiempat kitaran ialah  $180^\circ$   
 $a + c = 180^\circ$   
 $b + d = 180^\circ$   
Maka,  $a + b + c + d = 360^\circ$



Sudut peluaran sisiempat kitaran adalah sama dengan sudut pedalaman bertentangan


Sudut  $GCB = a^\circ$ , sudut  $HDC = b^\circ$ , sudut  $EAD = c^\circ$ , dan sudut  $FBA = d^\circ$ .

# Tangen



Tangen kepada bulatan ialah garis lurus yang menyentuk bulatan itu pada satu titik sahaja. Jika garis tangen dipanjangkan ia tidak akan menyentuh atau memotong bulatan lagi pada titik lain.

# Tangen sepunya kepada dua bulatan bersentuh




Tangen ialah sama  
 $PA = PB$

Kedua-dua  
 $\angle APO = \angle BPO$

$\angle PAO = \angle PBO = 90^\circ$

$AO = BO$

Contoh



Dalam rajah sebelah, AC dan BC adalah dua tangen pada bulatan

- Jika  $\angle AOC = 70^\circ$ , cari nilai  $x$  and  $y$
- Kira  $BC$  jika  $OA = 6 \text{ cm}$  dan  $OC = 10 \text{ cm}$

$$a) \angle AOC = \angle BOC$$

$$\text{Maka, } x = 70^\circ$$

$$\angle BOC + \angle OBC + \angle OCB = 180^\circ$$

$$x + 90^\circ + \angle OCB = 180^\circ$$

$$180^\circ - 90^\circ - 70^\circ = 20^\circ$$

$$\text{Maka, } \angle OCB = 20^\circ$$

$$y = 20^\circ$$

$$\text{Jadi, } x = 70^\circ \text{ dan } y = 20^\circ$$

$$b) OA = OB$$

$$OB = 6\text{cm}$$

$$OB^2 + BC^2 = OC^2$$

$$6^2 + BC^2 = 10^2$$

$$BC^2 = 100 - 36$$


$$= 64$$

$$BC = \sqrt{64}$$

$$BC = 8$$

$$\text{Maka } BC = 8\text{cm}$$

## CONTOH



Dalam rajah, tangen-tangen kepada sebuah bulatan dari titik  $T$  menyentuh bulatan berpusat di  $A$  dan  $B$ . Hitungkan:

- (a)  $x$
- (b)  $y$
- (c)  $z$ .

**Penyelesaian**

$$(a) x + 50^\circ = 180^\circ$$

$$x = 180^\circ - 50^\circ \\ = \underline{\underline{130^\circ}}$$

$$(b) \text{ Sudut refleks } AOB = 360^\circ - 130^\circ \\ = 230^\circ$$

$$\therefore y = \frac{230^\circ}{2} \\ = \underline{\underline{115^\circ}}$$

(sudut di pusat = 2 kali sudut pada lilitan)


(c) Dalam sisiempat  $OACB$ ,

$$\angle OAC = 360^\circ - 55^\circ - 115^\circ - 130^\circ$$

$$= 60^\circ$$


$$\therefore z = 90^\circ - 60^\circ \\ = \underline{\underline{30^\circ}} \text{ (tangen } \perp \text{ jejari)}$$

# SUDUT – SUDUT DALAM TEMBERENG SELANG-SELI



Sudut di antara tangen dengan perntas yang melalui titik sentuhan tangen adakah sama dengan sudut dalam tembereng selalng-seli yang dicakum oleh perentas itu.

## CONTOH



Dalam rajah di atas,  $TA$  ialah tangen kepada bulatan  $ABCD$  yang berpusat  $O$ .  $TDOB$  ialah garis lurus. Hitungkan:

- nilai  $x$ .
- nilai  $y$ .

*Penyelesaian*

- (a)  $\angle ABD = \angle DAT$  (sudut dalam tembereng selang-seli)  
 $\angle DAB = 90^\circ$  (sudut dalam semibulatan)

$\therefore$  Dalam  $\triangle TAB$ ,

$$\angle BTA + \angle TAB + \angle ABT = 180^\circ$$

(Jumlah sudut dalam segitiga)

$$30^\circ + (x + 90^\circ) + x = 180^\circ$$

$$120^\circ + 2x = 180^\circ$$

$$2x = 180^\circ - 120^\circ$$


$$= 60^\circ$$

$$x = 30^\circ$$

- (b)  $\angle TDC = \angle DCB + \angle CBD$   
(sudut peluaran segitiga)  
 $110^\circ = 90^\circ + y$   
 $\therefore y = 110^\circ - 90^\circ$   
 $= 20^\circ$

**TANGEN SEPUNYA**


- 1** **Tangen sepunya** kepada dua bulatan ialah suatu garis lurus yang menyentuh kedua-dua bulatan itu masing-masing pada satu titik sahaja.



- 2** Tangen sepunya boleh dilukis kepada **dua bulatan** yang:

- (a) bersilang
- (b) bersentuhan
- (c) terasing


# Tangen sepunya kepada dua bulatan bersilang



Sifat-sifat tangen sepunya kepada dua bulatan bersilang ialah

- (a) bilangan tangen sepunya ialah dua.
- (b)  $AB = PQ$ .
- (c)  $TNM$  adalah segaris.

## CONTOH



Dalam rajah,  $TAB$  dan  $TPO$  ialah tangen sepunya kepada kedua-dua bulatan yang berpusat  $M$  dan  $N$ . Diberi  $\angle BTM = 30^\circ$ . Carikan:

- $\angle MTQ$ .
- $\angle MNP$ .


*Penyelesaian*

$$(a) \angle BTM = \angle MTQ \quad (BT \text{ dan } QT = \text{tangen sepunya}) \\ = 30^\circ$$


$$(b) \angle PNT = \angle ANT \\ = 90^\circ - 30^\circ \\ = 60^\circ$$

$$\angle MNP = 180^\circ - \angle PNT \quad (\angle MNT = \text{garis lurus}) \\ = 180^\circ - 60^\circ \\ = 120^\circ$$

# Tangen sepunya kepada dua bulatan bersentuh




- 1 Tangen sepunya kepada dua bulatan bersentuh di sebelah luar mempunyai sifat-sifat berikut.
- (a) Bilangan tangen sepunya ialah tiga.
  - (b)  $AB = PQ$
  - (c)  $TNM$  adalah segaris.



- 2 Tangen sepunya kepada dua bulatan yang bersentuh di sebelah dalam mempunyai sifat-sifat berikut.
- (a) Bilangan tangen sepunya ialah satu.
  - (b)  $MNT$  adalah segaris.

## CONT OH



Dalam rajah di atas,  $TPQ$  dan  $TSR$  ialah tangen-tangen sepunya kepada dua bulatan berpusat  $O$  dan  $A$  masing-masing. Diberi  $\angle OTR = 30^\circ$  dan  $\angle APO = 40^\circ$ . Carikan:

- (a) x. (b) y.

## Penyelesaian

- (a)  $\angle STA = \angle PTA = 30^\circ$   
 $(TS$  dan  $TP$  tangen sepunya)


Dalam  $\triangle ATP$ ,  $\angle APT = 90^\circ$  ( $TP$  tangen)

$$\begin{aligned}x &= \angle PAT \\&= 180^\circ - 90^\circ - 30^\circ \\&= 60^\circ\end{aligned}$$

- $$\begin{aligned}
 \text{(b) Dalam } \triangle OAP, \\
 \angle POA + \angle OPA &= \angle PAT \quad (\angle \text{ peluaran } \triangle) \\
 \angle POA &= \angle PAT - \angle OPA \\
 &= 60^\circ - 40^\circ \\
 &= 20^\circ
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\angle QOA &= \angle PAT = 60^\circ \quad (OQ \parallel AP) \\ \therefore y &= \angle QOA - \angle POA \\ &= 60^\circ - 20^\circ \\ &= 40^\circ\end{aligned}$$


# Tangen sepunya kepada dua bulatan terasing



- 1 Tangen sepunya kepada dua bulatan terasing mempunyai sifat-sifat berikut.
  - (a) Bilangan tangen sepunya ialah empat.
  - (b)  $PQ = AB$   
 $CR = DS$
  - (c)  $MTN$  adalah segaris.

## CONTOH

GEOMETRI



Dalam rajah di atas,  $TAQ$  dan  $TBS$  ialah tangen sepunya kepada bulatan-bulatan  $ABC$  dan  $QRS$  yang berpusat  $O$  dan  $P$  masing-masing. Diberi  $\angle QRS = 110^\circ$ , carikan:

- (a)  $x$ .      (b)  $y$ .      (c)  $z$ .

*Penyelesaian*

(a)  $\angle \text{refleks } QPS = 2 \times \angle QRS$

(sudut pusat bulatan =  $2 \times$  sudut pada lilitan)

$$= 2 \times 110^\circ = 220^\circ$$

$$\angle QPT = \angle SPT = x$$

( $QT$  dan  $ST$  tangen kepada bulatan)

$$\therefore \angle \text{refleks } QPS + \angle QPT + \angle SPT = 360^\circ$$

(Jumlah sudut pada satu titik)

$$220^\circ + x + x = 360^\circ$$

$$\therefore 2x = 360^\circ - 220^\circ = 140^\circ$$

$$\therefore x = 70^\circ$$

(b)  $\angle \text{cakah } AOB = \angle \text{cakah } QPS$  ( $PQ // QA$ )  $= 140^\circ$

$$y = \angle ACB = \frac{1}{2} \angle \text{cakah } AOB$$

(sudut pada lilitan =  $\frac{1}{2}$  sudut pada pusat  
bulatan)

$$= \frac{1}{2} \times 140^\circ$$

$$\therefore y = 70^\circ$$

Dalam  $\triangle PST$ ,

$$\angle PTS + \angle PST + \angle SPT = 180^\circ$$

(Jumlah sudut dalam segitiga)

$$z + 90^\circ + 70^\circ = 180^\circ$$

$$\therefore z = 180^\circ - 90^\circ - 70^\circ = 20^\circ$$